



MEMBEKAL PERKHIDMATAN CENDERAHATI / MERCHANDISE (STUDENT ONBOARDING KIT) UNTUK PARA PELAJAR TAJAAN YAYASAN TENAGA NASIONAL BAGI TAHUN 2026.

-PERINGATAN PENTING-

Syarikat Pembekal Cenderahati/Merchandise dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen sebelum mengisinya. Syarikat Pembekal Cenderahati/Merchandise yang membuat kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana fasal di dalam dokumen ini tidak akan dipertimbangkan.

TARIKH BUKA : 20/08/2026 (Khamis)
TARIKH TUTUP : 03/09/2026 (Khamis)
NO SEBUT HARGA : TNB/YTN 16/5/ BIL:80/2026
JAM : 12.00 TENGAHARI

Yayasan Tenaga Nasional
Aras 1, Bangunan BB
Universiti Tenaga Nasional
KM-7 Jalan IKRAM - UNITEN
43009 Kajang
Selangor Darul Ehsan
Tel. 03-89247500

KETERANGAN	:	MEMBEKAL PERKHIDMATAN CENDERAHATI/MERCHANDISE (STUDENT ONBOARDING KIT) UNTUK PARA PELAJAR TAJAAN YAYASAN TENAGA NASIONAL BAGI TAHUN 2026.
TARIKH TUTUP	:	03/09/2026 (KHAMIS)
MASA	:	JAM 12.00 TENGAHARI
<u>SYARAT-SYARAT</u>		
1. PELAWAAN Tawaran pelawaan ini adalah untuk syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Milikan Bumiputera serta jenis pendaftaran yang berkaitan dengan kod bidang bagi Perkhidmatan Cenderahati/Merchandise, antaranya kod 020401/020801/020302/020402 dan masih sah pendaftarannya serta mandatori bagi membekalkan perkhidmatan cenderahati ini. 2. LATAR BELAKANG PELAWAAN Pelawaan ini, bagi mana-mana Syarikat Pembekal Perkhidmatan Cenderahati/Merchandise yang berkeelayakan dan berminat untuk membuat "Student Onboarding Kit" bagi tahun 2026. YTN berhasrat untuk membuat "Student Onboarding Kit" bagi tahun 2026 seperti berikut: - • Varsity Jacket • Premium Luggage Tag • Blind Box Keychain • Magnetic Phone Card Holder • Maklumat Tajaan YTN (Brosur) 3. DOKUMEN / BORANG/ CONTOH CENDERAHATI Syarikat Pembekal Perkhidmatan Cenderahati/Merchandise adalah dikehendaki mengisi segala butir-butir yang terdapat di dalam borang yang telah disediakan dengan lengkap serta dokumen mestilah dihantar bersama satu: 1) Salinan lengkap seperti asal 2) Sample Varsity Jacket beserta logo YTN 3) Design Box beserta dalamnya barang2 yang terdiri dari Premium Luggage Tag/ Blind Box Keychain & Magnetic Phone Card Holder dan 4) Maklumat Tajaan YTN (Brosur) Dokumen / borang-borang serta contoh cenderahati/merchandise (sample) yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam dokumen / borang-borang hendaklah dipotong serta ditandatangani ringkas oleh wakil dan diletakkan tarikh. Dokumen/ borang yang telah lengkap diisi dan semua contoh produk (sample) hendaklah dikembalikan kepada: Yayasan Tenaga Nasional Aras 1, Bangunan BB Universiti Tenaga Nasional KM-7, Jalan IKRAM - UNITEN 43009 Kajang Selangor Darul Ehsan Tidak lewat/pada 3 September 2026 (Khamis), sebelum/pada 12.00 tengahari seperti yang telah ditetapkan. Semua Sampel Produk adalah hak milik YTN dan tidak akan dikembalikan.		

4. HARGA

Syarikat Pembekal Perkhidmatan Cenderahati/Merchandise wajib menyatakan "**harga penuh per unit**" yang ditawarkan berdasarkan spesifikasi yang dinyatakan di **Lampiran 1**.

Disarankan harga yang dikemukakan termasuk semua kos yang terlibat seperti perkhidmatan bahan mentah, bahan cetakan, design, penghantaran, pengangkutan, bahan-bahan edaran, cukai setem/SST dan yang lain-lain jika berkaitan.

5. SAHLAKU

Sahlaku perkhidmatan ini adalah secara "one off" dan akan berakhir pada Disember 2026.

6. PENILAIAN PEMBEKAL CENDERAHATI/MERCHANDISE

Syarikat Pembekal Cenderahati/Merchandise akan dinilai berdasarkan kriteria seperti berikut: -

- Memenuhi syarat-syarat mandatori (SSM, KKM, Milikan Bumiputera & berkaitan dengan kod bidang antaranya kod **020401/020801/020302/020402**
- Penilaian teknikal – Memenuhi spesifikasi wajib yang dikehendaki
- Penilaian komersil – Kewangan dan sebut harga
- Penilaian pengalaman, nyatakan keupayaan dan rekod prestasi yang lepas bagi membekal Perkhidmatan cenderahati/merchandise (5 tahun terkini sahaja).
- Bahan yang digunakan berkualiti, warna yang menarik, gaya moden dan terkini, contoh produk, kepakaran, pengalaman syarikat sebagai pembekal cenderahati adalah satu kelebihan.

7. JUMLAH CENDERAHATI

Jumlah Cenderahati/Merchandise – Student Onboarding Kit Tahun 2026 adalah seperti berikut :-

Item	Cenderahati	Pecahan bilangan	Bilangan
1	Varsity Jacket		500 Helai
2	<u>3 IN 1 Box (Blind Box)</u> - Premium Luggage Tag (3 warna berlainan – putih, biru & merah) - Premium Luggage Tag (1 warna premium-limited edition) - Keychain (4 bentuk) - Keychain (1 bentuk – Special edition) - Magnetic Phone Card Holder (3 warna berlainan) - Magnetic Phone Card Holder (1 warna premium)	400 unit + 100 unit 400 Unit + 100 Unit 400 unit + 100 unit	1500 unit
3	Maklumat Tajaan YTN (Brosur berwarna & menarik serta material licin glossy)		1000 unit

8. SETUJU TERIMA SEBUTHARGA

- a. Pihak YTN tidak terikat untuk menyetujui terima syarikat yang paling rendah atau mana-mana sebutharga.
- b. Pihak YTN adalah berhak untuk mengubah apa-apa keputusan daripada perancangan asal Syarikat Pembekal Cenderahati/Merchandise dan sebarang perubahan, tambahan idea, pertukaran warna, material dan logo mestilah melalui perbincangan kedua-dua pihak, ianya digalakkan untuk memastikan cenderhati yang dibekalkan adalah bersesuaian dengan konsep dan imej YTN.
- c. Sekiranya pihak Syarikat Pembekal Cenderahati/Merchandise menolak selepas pelantikan dibuat, pihak YTN akan mengambil tindakan sewajarnya termasuklah penilaian prestasi pembekal yang akan diambil kira untuk masa akan datang.
- d. Semua Cenderahati/Merchandise dan bahan hak cipta yang digunakan untuk tawaran ini hendaklah diperoleh secara sah dan mematuhi undang-undang hak cipta yang berkuat kuasa. Pembekal bertanggungjawab memastikan tiada penggunaan bahan yang melanggar hak cipta, cetak rompak atau penggunaan tanpa kebenaran pemilik hak.

9. PERKHIDMATAN PEMBEKALAN

Syarikat Pembekal Cenderahati/Merchandise yang berjaya adalah dikehendaki menerima tawaran perkhidmatan pembekalan dan akan tertakluk kepada syarat-syarat di dalam dokumen.

10. JAMINAN KE ATAS PERKHIDMATAN PEMBEKALAN


Pihak Yayasan Tenaga Nasional akan menentukan sama ada pembekalan perkhidmatan cenderahati/merchandise adalah memenuhi, memuaskan atau sebaliknya. Jika tidak, pihak YTN berhak mengugurkan tawaran ini.

11. PERTANYAAN

Jika Syarikat Pembekal Cenderahati memerlukan info berkaitan Maklumat Tajaan YTN dan terdapat sebarang pertanyaan atau kekeliruan, tuan/puan boleh hubungi kami melalui email rasmi **infoytn@tnb.com.my**.

Kerjasama dan minat tuan/puan untuk menyertai Pembekal Perkhidmatan Cenderahati/Merchandise ini didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan, sekian terima kasih.

"BETTER. BRIGHTER."


Shahrulnizam Bin Md Nur
Pengarah
Yayasan Tenaga Nasional
-RAG 2026-

**BORANG TAWARAN PEMBEKAL PERKHIDMATAN CENDERAHATI/MERCHANDISE
(STUDENT ONBOARDING KIT) YTN 2026**

Yayasan Tenaga Nasional
Bangunan BB, Aras 1, Universiti Tenaga Nasional
KM-7 Jalan IKRAM - UNITEN
43009 Kajang, Selangor Darul Ehsan

**PERKARA : MEMBEKAL PERKHIDMATAN CENDERAHATI/MERCHANDISE
(STUDENT ONBOARDING KIT) YAYASAN TENAGA NASIONAL TAHUN 2026**

Setelah meneliti dan memahami dokumen dan syarat-syarat, kami/saya yang menurunkan tandatangan di bawah bersetuju menawarkan perkhidmatan pembekalan seperti berikut: -

Item	Cenderahati	Pecahan bilangan	Bilangan	Harga PerUnit (RM)	Harga Termasuk SST & LL
1	Varsity Jacket		500 Helai		
2	3 IN 1 Box (Blind Box)		1500 unit		
	- Premium Luggage Tag (3 warna berlainan – putih, biru & merah) - Premium Luggage Tag (1 warna premium-limited edition)	400 unit + 100 unit			
	- Keychain (4 bentuk) - Keychain (1 bentuk – Special edition)	400 Unit + 100 Unit			
	- Magnetic Phone Card Holder (3 warna berlainan) - Magnetic Phone Card Holder (1 warna premium)	400 unit + 100 unit			
3	Maklumat Tajaan YTN (Brosur berwarna & menarik serta material licin glossy)		1000 unit		
Harga Keseluruhan (RM)					

Kami/Saya akan membekal perkhidmatan pembekalan adalah menjadi hak mutlak YTN.

Tandatangan :
Nama :
Tarikh :
Cop Rasmi Syarikat :
(Nama & Alamat)
No. H/P/Tel . & Faks. :

Tandatangan :
Nama Saksi :
Tarikh :